

**NO. SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 11 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) apakah pendirian Kerajaan ke atas perjanjian penyelesaian 10 perkara yang diumumkan oleh Kerajaan pada April 2011 dan tahap penerimaan rakyat pada umumnya; dan
- (b) langkah diambil agar ianya terus dipelihara dan dikuatkuasakan demi perpaduan negara.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada dasarnya menyokong dan bersetuju mengenai Penyelesaian 10 Perkara sebagaimana yang pernah diumumkan oleh Kerajaan pada April 2011. Penyelesaian 10 Perkara ini merupakan penyelesaian yang adil dan sebaiknya bagi mengatasi perbezaan pandangan di antara rakyat yang berbilang agama, khususnya orang Kristian dan orang Islam, dengan tidak sesekali mengabaikan undang-undang negara.

Kerajaan percaya perbezaan atau konflik mengenai isu agama sebaiknya ditangani melalui dialog dan perbincangan. Ia perlu diadakan bagi mencari kaedah yang terbaik bagi mengatasi konflik di antara agama di negara ini.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa agama memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara dan membentuk masyarakat Malaysia. Kerajaan tidak akan membenarkan perbezaan pendapat di antara agama-agama di Malaysia ini memecah belahan kita, atau menanam benih-benih kebencian di dalam masyarakat.

Sekian. Terima kasih.